

Rasuah dan Salah Guna Kuasa: Protes Sosial Rahim Razali dalam *Matinya Seorang Patriot*

Siti Normala Hamzah*

Mohamad Saleeh Rahamad@Ahamad

Md Azalanshah Md Syed

Universiti Malaya, Malaysia

*Emel perhubungan: sitinormalahamzah@gmail.com

Abstrak

Artikel ini membincarkan mengenai analisis protes sosial masyarakat yang dipaparkan dalam filem Matinya Seorang Patriot yang diterbitkan pada tahun 1984 oleh Rahim Razali. Filem ini merupakan sebuah dokumentasi masyarakat yang menolak penyelewengan politik dan kuasa serta kepincangan golongan kolar putih. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu sekitar dekad 80-an melalui perspektif teori sosiologi sastera, dengan menumpukan kepada isu rasuah dan salah guna kuasa yang terkandung dalam filem tersebut. Selain itu, kajian kualitatif ini mengaplikasikan kaedah analisis teks sebagai kaedah kajian utama, dan kaedah temubual serta pengumpulan data sekunder sebagai pendekatan tambahan. Penggunaan teori sosiologi sastera dalam menganalisis kajian ini memberi justifikasi mengenai hubungan langsung antara filem dengan zaman, ras dan persekitarannya. Kajian ini turut memberi signifikasi kepada bidang akademik kerana mewujudkan ruang kritikan sastera yang bersifat kritikan kemasyarakatan dan kritikan sosial dalam filem, selain turut menjadi sumber rujukan kepada karyawan filem untuk penambahbaikan filem tempatan.

Kata kunci: Rasuah, Salah guna Kuasa, Protes Sosial, Rahim Razali, Matinya Seorang Patriot.

Corruption and Abuse of Power: Social Protest of Rahim Razali in *Matinya Seorang Patriot*

Abstract

This article is an analysis of social protests featured in Rahim Razali's film entitled Matinya Seorang Patriot, which was released in 1984. The film has documented the protest of the society that rejects political and power abuse as well as the white-collar crime. The objective of this study is to analyse the issue of the Malays in the 80s through the perspective of sociology of literature theory, which has focused on the issues of corruption and the abuse of power embodied in the film. Apart from that, this qualitative study has utilized two types of method, which are text analysis as the main research procedure, and interview as well as secondary data collection as the additional approach. The use of sociology of literature theory in this research justifies the relationship between film and its era, race and environment. This study also gives significance to the academic field for literary debate, which comprises social criticism and social commentary in film, and perhaps being a source of reference for local film improvement.

Keywords: Corruption, Abuse of Power, Social Protest, Rahim Razali, Matinya Seorang Patriot.

Sorotan Isu Rasuah dan Salah Guna Kuasa dalam Masyarakat

Budaya rasuah boleh diumpamakan seperti barah (Md Zyadi, Sanep & Mohd Hafiz, 2008) yang boleh menjatuhkan sesebuah bangsa dan negara. Pembangunan dan kejayaan negara sudah tentunya bergantung pada sikap dan moral yang diamalkan oleh setiap pengurusan, pentadbiran dan rakyat secara keseluruhannya untuk melaksanakan tugas dengan rasa tanggungjawab, bersih dan beramanah. Syed Hussein Al-Attas (1995) menyatakan bahawa rasuah boleh dirujuk sebagai penyalahgunaan kepercayaan untuk kepentingan peribadi. Rasuah juga boleh dertiakan sebagai suatu pengkhianatan terhadap kepercayaan sama ada melibatkan pemerintah, lembaga swasta ataupun masyarakat umum (Syed Hussein Al-Attas, 1995).

Umumnya, rasuah boleh ditafsirkan sebagai pemberian atau penerimaan wang sogokan, komisen, pelincir, duit kopi, *ang pow*, *kau tim*, atau *under table money* (SPRM, 2017) manakala dari sudut undang-undang pula, definisi rasuah tidak dinyatakan secara khusus tetapi hanya dinyatakan sebagai takrif suapan (SPRM, 2017). Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah utama (Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2009), iaitu meminta atau menerima rasuah (seksyen 16 & 17 (a) Akta SPRM 2009), menawar atau memberi suapan (seksyen 17(b) Akta SPRM 2009), mengemukakan tuntutan palsu (seksyen 18 Akta SPRM 2009, dan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan pegawai badan awam (seksyen 23 Akta SPRM 2009).

Dari sudut Islam, rasuah merupakan satu amalan yang dikutuk dan dicela di sisi agama kerana amalan ini meninggalkan kesan buruk terhadap masyarakat dan juga pertumbuhan ekonomi negara. Larangan mengamalkan amalan rasuah ada dinyatakan melalui dalil al-Quran. Surah al-Baqarah ayat 188 adalah antara dalil daripada Al-Quran yang menyatakan perintah Allah dalam perkara berkaitan amalan rasuah:

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

(al-Baqarah: 188)

Dalil daripada al-Quran ini jelas menunjukkan larangan dalam Islam tentang amalan rasuah. Larangan dan pengharaman rasuah ini diulang beberapa kali dalam al-Quran dan hadis kerana amalan ini sememangnya merosakkan keadilan sosial dan kesaksamaan ekonomi serta memudaratkan masyarakat serta boleh menjatuhkan sesebuah negara.

Sejarah dunia juga merekodkan bagaimana gejala rasuah telah banyak mendatangkan kemusnahan kepada sesebuah negara dan bangsa. Empayar Uthmaniyyah yang pernah gemilang sebagai empayar Islam yang hebat bertahan selama 600 tahun (Mohd Roslan, 2011) dan menguasai sebahagian besar benua Asia, Eropah dan Afrika Utara dan kekuasaannya melangkaui negara-negara seperti Palestin, Israel, Kuwait, Iraq, Lebanon, Jordan, Syria, Iran, Greece, Hungary, Albania, Armenia, Bosnia-Herzegovina, Bulgaria, Serbia, Kosovo, Arzebaijan, Croatia, Tunisia, Libya, Mesir, Algeria serta beberapa negara lain (Marzita & Iswan Shafiq, 2016) runtuh selepas enam abad berdiri megah sebagai sebuah empayar Islam yang terbilang akibat beberapa faktor seperti penyelewengan dan rasuah oleh para pegawai yang tamak haloba. Begitu juga di Iran, Reza Pahlavi terpaksa mlarikan diri ekoran daripada revolusi rakyat Iran yang bangkit menentang rasuah dan penyalahgunaan kuasa semasa di bawah pemerintahannya (Mohd Shauki, 2004).

Selain itu, gerakan nasionalisme rakyat di Filipina telah digerakkan untuk menumbangkan rejim Marcos yang gagal mentadbir ekonomi negara dan membiarkan rakyat hidup dalam kemiskinan dan melarat akibat rasuah yang berleluasa. Akibat daripada gerakan kesedaran ini, Presiden Ferdinand Marcos hidup dalam buangan hingga akhir hayatnya (Mohammad Taqiuddin & Mohd Hafiz, 2008). Di Amerika Syarikat, Presiden Nixon juga tumbang apabila perbuatan jenayah rasuah yang melibatkan skandal Watergate bocor diketahui umum (Mohd Shauki, 2004). Laporan Gosh (1997) dalam Economic Review pula menyatakan bahawa rasuah berlaku secara besar-besaran pada tahun 1996 yang melibatkan kebanyakan negara Asia. Jenayah ekonomi ini dilihat semakin meruncing pada tahun berikutnya apabila berlakunya krisis ekonomi di Thailand, Korea Selatan, Malaysia dan Indonesia. Natijahnya, pada tahun tersebut selain isu rasuah, isu lain seperti kronisme, nepotisme, tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap pentadbiran awam juga turut dibangkitkan (Nur Syakirah Akmal & Md Zawawi, 2004).

Di Malaysia pada tahun 2019, satu soal selidik telah dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai isu rasuah dan salah guna kuasa di negara ini dan keputusan dari soal selidik tersebut menunjukkan bahawa jenayah ekonomi dalam

negara ini berada pada tahap membimbangkan (Tuty Haryanty, 2019). Dalam kajian yang berlainan, SPRM turut mendapati gejala rasuah di Malaysia membabitkan ramai penjawat awam yang berusia bawah 40 tahun (Ridzuan, 2019). Keadaan ini memberi petanda kepada keruntuhan integriti dalam kalangan penjawat awam yang seharusnya memperkasakan aspek kepimpinan dan memberi contoh yang baik kepada masyarakat. Selain itu SPRM juga telah mendedahkan bahawa berlakunya kegiatan rasuah yang berleluasa di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand yang dipercayai dilakukan oleh pihak berkuasa (Tuan Buqhairah, 2019). Kajian dari Bank Dunia pula menunjukkan kira-kira 51.4 peratus syarikat pembuatan di Malaysia bersedia membuat tawaran ‘hadiah’ untuk mendapatkan kontrak kerajaan (Ridzuan, 2019). Natijah daripada jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa ini sudah pasti boleh mengakibatkan ketirisan ekonomi serius yang akhirnya melumpuhkan sistem ekonomi dan keadilan sesebuah negara.

Rasuah sebenarnya bukanlah perkara baru di Malaysia. Perkara ini wujud sejak bermulanya sejarah peradaban manusia yang dikaburi dengan sifat tamak haloba. Malah, sejarah Melayu sendiri menyaksikan bagaimana sebuah tamadun Melayu yang gemilang di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka jatuh ke tangan Portugis akibat amalan rasuah yang berleluasa dalam kerajaannya. Dalam catatan *Sejarah Melayu* atau juga dikenali sebagai *Sulalat al-Salatin*, Tun Sri Lanang meriwayatkan bagaimana korupsi yang melibatkan Bendahara Seri Maharaja yang menerima wang pemberian Raja Mendeliar, sekali gus telah meruntuhkan segala yang baik dan mulia dari kerajaan Melaka yang telah dibina oleh beberapa generasi sebelumnya. Memetik kata-kata Bendahara yang membawa maksud tersirat tentang berlakunya amalan rasuah dalam kalangan pembesar istana:

“Baiklah, tuan hamba memberi kepada hamba, hamba ambil.”
(dlm. Muhammad Haji Salleh, 2004)

Kajian akademik juga jelas menunjukkan bahawa gejala rasuah mampu menjatuhkan sesebuah negara terutamanya apabila situasi ekonomi sudah mula goyah akibat daripada aktiviti penyelewengan ini. Fahim A. Al-Marhubi (2000) dalam kajiannya menyatakan bahawa rasuah menjadi

punca kepada kepincangan dalam konteks makroekonomi negara seperti kekurangan pelaburan yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lembab. Kajian beliau juga menunjukkan kesan negatif rasuah yang turut menyumbangkan tingkat inflasi dalam negara.

Beberapa kajian akademik mengenai amalan rasuah di Malaysia turut menunjukkan wujudnya kesan negatif yang berlaku pada keadaan ekonomi semasa negara akibat jenayah ini. Kajian oleh Md Zyadi, Sanep, dan Mohd Hafiz (2008) misalnya menyatakan amalan rasuah boleh menyebabkan lumpuhnya ekonomi sesebuah negara dan mengakibatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) turut menurun. Hasil penemuan mereka menunjukkan terdapatnya penurunan pada KDNK negara sebanyak 1.681 peratus untuk setiap satu peratus peningkatan rasuah yang berlaku dalam negara. Angka peratusan ini menunjukkan amalan rasuah yang berlaku di Malaysia jelas memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Pembolehubah yang diperoleh adalah signifikan untuk menerangkan kadar pertumbuhan KDNK negara (Md Zyadi, Sanep & Mohd Hafiz, 2008). Kajian yang dilakukan oleh Noraida dan Zaidi (2017) pula menunjukkan bahawa isu rasuah merupakan masalah yang relevan kepada masyarakat sehingga hari ini. Kajian ini membentangkan penglibatan ramai penjawat awam di negara ini yang terjerumus dalam amalan rasuah. Menurut mereka, perlu ada tindakan segera oleh masyarakat dan pihak berwajib untuk membendung jenayah rasuah ini daripada berlarutan untuk mengelakkan keadaan menjadi semakin parah dan berada dalam situasi yang membimbangkan.

Dalam konteks kajian ini, Rahim Razali telah mendokumentasikan rakaman zaman dengan memaparkan polemik Melayu baharu khususnya isu rasuah dan penyelewengan kuasa sebagai tema filemnya. Tema yang dibawa dilihat signifikan dengan isu serta polemik yang berlaku terutamanya kepada masyarakat Melayu serta bumiputera pada zaman tersebut dan kekal relevan hingga kini. Justeru itu, kajian ini dapat membuktikan bahawa produk filem mempunyai kepentingannya dalam mendokumentasikan pemasalahan masyarakat semasa.

Latar Belakang Kajian

Rasuah dan salah guna kuasa merupakan sebahagian daripada isu sosial dalam masyarakat Melayu yang cuba diketengahkan oleh Rahim Razali melalui filemnya. Kebanyakan filem Rahim Razali sering memperlihatkan sisi perjuangan beliau yang mengangkat idealisme Melayu dalam setiap jalan ceritanya. Walaupun beliau berjuang dalam ruang lingkup dunia seni, semangat patriotisme melalui karyanya sangat lantang dan mendalam. Menurut Hassan Mutalib dan Wong Tuck Cheong (2002:317-19), Rahim Razali ialah figura generasi profileman era 80-an yang membuat perubahan dalam industri profileman negara (*documenting a changing Malaysia*) seiring dengan perubahan transformasi masyarakat yang radikal di bawah pimpinan gaya politikal baru Perdana Menteri ketika itu, iaitu Dr. Mahathir Mohamad. Malah menurut mereka, Rahim Razali telah berjaya membuat pemerhatian yang mendalam terhadap budaya dan masyarakat Melayu dan merefleksikan pemerhatian tersebut dalam karya beliau dengan pemaparan realisme dan kritikan sosial. Maka, isu Melayu seperti politik lokal, pemerksaan ekonomi, krisis identiti, semangat jati diri, polemik hak pemilikan tanah, rasuah, dan salah guna kuasa menjadi komponen penting dalam setiap naratif filem Rahim Razali.

Menurut Nasir Jani (2014), Rahim Razali membawa tanggungjawab sosial terhadap bangsanya dalam filem-filemnya. Hal ini demikian kerana beliau membawa isu yang sangat besar kesannya kepada masyarakat Melayu dalam menghadapi tuntutan perubahan zaman terutamanya yang melibatkan isu bangsa Melayu. Bagi Yusof Wahab pula, Rahim Razali ialah seorang penggiat filem berilmu yang membawa semangat perjuangan Melayu dalam filem-filemnya dan sudah berada dalam liganya sendiri. Bagi beliau, Rahim Razali menuulis dan mengarah dengan ilmu pengetahuan sehingga mampu menghasilkan karya yang cemerlang serta sarat dengan mesej dan pesanan yang patut dihayati oleh semua (Yusof Wahab, 2016). Memetik penyataan Rosini (2007) yang menggariskan antara ciri utama rupa dan isi filem yang dikategorikan sebagai karya yang dapat mewakili sesebuah masyarakat:

Ianya perlu mengambil kira sejarah, kepelbagaiannya yang wujud dalam masyarakat kini serta cabaran-cabaran baru muncul dalam dunia yang semakin global sifatnya. Selain itu filem nasional perlu memperjuangkan nilai-nilai yang baik seperti keadilan dan perpaduan kaum serta mengkritik rasuah, kepalsuan dan kebejatan akhlak

(al-Baqarah: 188)

Dalam hal ini, filem *Matinya Seorang Patriotik* merupakan karya Rahim Razali yang telah mengkritik penyelewengan kuasa dan jenayah rasuah yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu pada dekad 1980-an. Naratif filem ini bermula dengan kematian seorang nasionalis dan pejuang politik veteran yang dihormati di Kampung Seri Tualang, iaitu Haji Shahban yang juga memegang profil sebagai Pengurus kepada Melati Holdings semasa hayatnya. Kematian Haji Shahban ini telah menyebabkan berlakunya perbalahan dan perebutan harta dan kuasa terutamanya untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditinggalkan oleh Haji Shaaban dalam Melati Holdings dan juga kerusi parti di kampung Seri Tualang. Kematian ini juga secara tidak sengaja telah mendedahkan berlakunya salah guna kuasa dan jenayah rasuah di syarikat Melati Holdings. Menyedari wujudnya konspirasi yang berlaku berkaitan penyelewengan pembahagian saham syarikat dan kematian Haji Shahban, anak-anak Haji Shahban, iaitu Safuan, Salman, Sabri, Setia dan Saiful telah mengambil keputusan untuk menuntut bella dengan menjatuhkan hukuman sendiri kepada kesemua pesalah yang terbabit. Filem ini secara umumnya telah mendokumentasikan protes sosial masyarakat yang menolak kepada penyelewengan politik dan kuasa serta kepincangan golongan kolar putih.

Beberapa kajian lepas menunjukkan filem turut menjadi medium untuk memaparkan kepada rakyat tentang kebobrokan sistem yang dilakukan oleh para penguasa. Edelman (1976) dalam kajiananya menyatakan bahawa terdapatnya perbezaan corak pemaparan keadaan sistem politik semasa dalam filem dahulu dan kini. Dari pemerhatian, filem yang dihasilkan dahulu kebanyakannya memaparkan unsur positif dalam sistem politik semasa, iaitu kebaikan akhirnya akan berjaya menentang kejahatan terutamanya dalam mengatasi masalah korupsi. Filem kontemporari pula memberi gambaran berbeza dan telus dengan

memaparkan situasi politik semasa yang korup sehingga keadaan tidak lagi semestinya berpihak kepada penguasa yang jujur. Nor Ain, Zairul Annuar dan Chean (2019) dalam kajian mereka menyatakan filem *Rise In Kalilah dan Crossroad: One Two Jaga* yang diterbitkan pada 2018 telah memberi pelbagai makna dalam konsep kuasa yang memberi refleksi kepada kehidupan masyarakat Malaysia. Pendekatan deconstruction oleh Michael Foucault yang menjadi asas dalam kajian ini menyatakan ‘pengetahuan adalah kekuatan’ iaitu kuasa dan pengetahuan memberi keupayaan bagi seseorang individu atau sesebuah kumpulan untuk menguasai masyarakatnya melalui pelbagai cara mengikut pemikiran mereka. Dalam filem ini pelbagai isu sosial telah dipaparkan melalui dialog yang berkesan. Isu seperti penyalahgunaan kuasa, pergolakan politik, penipuan dan rasuah oleh pihak yang berkuasa didokumentasikan sebagai kritikan masyarakat kepada penguasa yang korup dan menyeleweng.

Badrul Redzuan dan Nur Hafizoh (2020) pula mengetengahkan filem *Lelaki Harapan Dunia* (2014) yang menggunakan satira untuk menyampaikan kritikan sosial kepada masyarakat. Filem ini telah menggunakan babak ‘derma unta’ sebagai satira politik untuk mengkritik masalah korupsi dalam kalangan politik tempatan yang sentiasa dahagakan kuasa. Menurut kajian, satira politik yang terkandung dalam filem ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu politik peringkat kampung dan politik negara yang melibatkan pilihanraya. Isu-isu yang berkaitan kuasa dalam politik, peranan individu berautoriti seperti ketua kampung dan agamawan, sehingga kepada sistem feudal dan pengurusan kewangan telah disatirakan dalam filem ini bagi mewakili isu semasa yang berlaku dalam negara, iaitu isu 1MBD, sumbangan yang melibatkan wang berjumlah berbilion ringgit serta sistem yang korup dan zalim sehingga menaikkan kemarahan rakyat. Menurut kajian ini, satira boleh digunakan sebagai salah satu medium untuk menyampaikan kritikan atau protes ke atas isu sosiobudaya dan politik di Malaysia.

Di Indonesia pula, Rhafidilla (2014) yang mengkaji filem omnibus *Kita Versus Korupsi* (filem yang menggabungkan empat cerita berbeza dalam satu filem dan mempunyai satu tema yang sama) dalam makalah yang bertajuk ‘Rasuah dalam Film Indonesia’ telah menemui empat dapatan,

iaitu pertamanya meskipun masyarakat merasakan perbuatan rasuah itu salah dan merugikan namun hakikatnya jenayah rasuah ini masih menular dalam masyarakat. Pemaparan indikasi rasuah juga semakin ketara dan dilihat kewajarannya mengikut peredaran masa. Hal ini terbukti apabila filem-filem dahulu memaparkan jenayah rasuah dilakukan dalam keadaan sembuni dan tertutup kerana dianggap sebagai suatu perkara yang memalukan namun pada alaf ke-21, rasuah dipaparkan secara terang-terangan.

Dapatkan kedua Rhafidilla (2014) pula menunjukkan jenayah rasuah kebanyakannya dilakukan oleh para penguasa terutamanya ketua kampung, ketua di sesebuah jabatan kerajaan, ataupun pegawai dan pekerja kolar putih. Dapatkan ketiga pula adalah berdasarkan analisis model aktan. Melalui analisis model aktan, filem *Kita Versus Korupsi* memaparkan bahawa pelaku jenayah rasuah ini kebiasaannya memberikan contoh buruk dan menjadi penghalang kepada watak protagonis yang berwatak baik. Akhirnya, dapatkan keempat pula menyatakan bahawa pelaku rasuah ini juga akan berhadapan dengan watak lain yang menolak untuk terjerumus dalam jenayah rasuah.

Kajian oleh Ni Putu Shanti Prema Utami, Dewa Ayu Sugiarica dan Ade Devia (2018) pula mengetengahkan maksud rasuah melalui filem *Negeri Tanpa Telinga* melalui analisis semiotik. Penemuan daripada kajian mereka mendapati bahawa ciri-ciri rasuah dalam filem tersebut adalah dalam bentuk sogokan, penyelewengan, penyeludupan, pemberian (hadiah ataupun wang), manipulasi pihak berkuasa dan bantuan pekerjaan. Pengaruh wanita juga dilihat penting dalam kegiatan rasuah sebagai ganjaran yang bakal diterima oleh penerima rasuah. Peranan wanita dalam rasuah memberi gambaran baru terutamanya dalam skop jenayah rasuah di Indonesia.

Terdapat juga kajian yang melihat sejauh mana filem mampu mempengaruhi sikap dan persepsi penonton terutamanya daripada filem yang memaparkan penyelewengan para penguasa yang tamak, antaranya ialah Elliot dan Schenk-Hamlin (1979) yang mengkaji tentang pengaruh filem *All the President's Men* yang diadaptasi dari kisah benar skandal Watergate semasa di bawah pentadbiran Presiden Nixon. Kajian

ini memfokuskan tentang sikap penonton pasca tontonan filem *All the President's Men* terhadap sistem politik semasa dan juga terhadap akhbar yang membongkar skandal tersebut. Menurut kajian, perincian dalam pemaparan untuk sesebuah topik dalam filem boleh mempengaruhi sikap dan sentimen penonton dengan ketara.

Gustafson (2007) pula membincangkan mengenai filem yang berunsurkan korupsi dalam kalangan polis yang kemudian membentuk sentimen masyarakat terhadap anggota polis yang melakukan penyelewengan kuasa. Secara umumnya, kajian ini melakukan pengklasifikasian kepada ciri, tema dan keperwiraan melalui dua belas filem polis korup Amerika. Kajian turut menyatakan bahawa filem mampu menjadi medium yang menyampaikan idea mengenai jenayah dan juga agen kawalan sosial kepada masyarakat.

Secara umumnya, beberapa kajian lepas memberi signifikasi bahawa filem ialah cermin masyarakat, cermin budaya dan cermin sejarah serta dapat mendokumentasikan protes sosial masyarakat. Karya filem sebegini boleh membangkitkan protes sosial dan anjakan kemasyarakatan, perjuangan dan pengorbanan untuk melahirkan masyarakat yang beretika dan berintergriti.

Metodologi dan Teori

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu dengan melihat isu rasuah dan salah guna kuasa yang terkandung dalam filem *Matinya Seorang Patriot*. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan analisis tekstual manakala pendekatan tambahan adalah menggunakan kaedah temubual dan pengumpulan data sekunder. Pendekatan teori sosiologi sastera pula dilihat sebagai kaedah paling sesuai untuk menterjemahkan persoalan dan isu sosial, dan masyarakat yang dipaparkan dalam filem ini, terutamanya kerana isu tersebut berdasarkan realiti sosial serta polemik masyarakat Melayu. Maklumat mengenai isu ini juga berupaya memberikan penjelasan mengenai kehidupan manusia yang pelbagai dan dinamik, yang lazimnya dijadikan inspirasi dalam karya-karya seni seperti filem.

Menurut Hippolyte Taine (1900), pengetahuan mengenai fakta tentang sesuatu zaman, ras, dan milieu, mampu memberikan kefahaman mengenai lingkungan budaya yang melahirkan seseorang pengarang berserta karyanya. Gagasan sastera Taine adalah berasaskan konsep ‘peniruan’ (mimesis). Taine menjadikan karya sastera sebagai dokumen sosial yang merakam sejarah kehidupan manusia pada sesuatu masa. Bagi Taine, faktor seperti lingkungan masyarakat serta keluarga yang mencorakkan pemikiran pengarang, situasi sosiopolitik, isu ekonomi, budaya, keadaan alam, suasana dan faktor sosial ini telah memberi inspirasi kepada pengarang untuk dijadikan karya seni yang selari dengan peristiwa kontekstualnya.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam filem *Matinya Seorang Patriot*, isu rasuah dan salah guna kuasa merupakan persoalan utama yang disampaikan oleh Rahim Razali selain persoalan sampingan lain seperti perjuangan budaya serta isu dan polemik mengenai politik lokal. Isu rasuah dan penyelewengan kuasa ditunjukkan dengan keras sebagai tanda kesal beliau terhadap amalan salah guna kuasa yang semakin menular dan membunuh masyarakat Melayu ketika itu.

Perbualan di bawah adalah antara Jamali salah seorang Lembaga Pengarah Melati Holding dengan Shamsudin, Ahli Jawatankuasa Kampung Sri Tualang yang menunjukkan penyelewengan sedang berlaku. Perbualan ini berlaku ketika kedua-dua mereka baru sahaja keluar dari kelab malam dan ingin pulang ke kediaman masing-masing.

- | | |
|-----------|--|
| Shamsudin | : Peninglah kepala aku... (Merujuk kepada kesan daripada minuman keras yang diambil sebentar tadi) |
| Jamali | : Kau kata kau <i>hero</i> Kampung Sri Tualang.
Lagi pun malam ni kita <i>celebrate</i> kan. |
| Shamsudin | : <i>Celebrate</i> apa... aku punya <i>share</i> pun sudah kena kongsi sama orang lain.. |

- Jamali : Sebahagian kecil share kau sahaja... sebahagian kecil. Kau jangan tamak. La-gipun selama ni dah berapa banyak kau terima daripada kami.
- Shamsudin : Iya lah Mali... tapi yang ini rumit. Luar biasa kau tau tak? Kau ingat senang aku nak meyakinkan lima cawangan bersetuju jual balik saham dalam syarikat kau tu. Lima cawanganlah kawan... Bukan senang!

(Matinya Seorang Patriot, 1984)

Babak berikutnya terus kepada mesyuarat di rumah Allahyarham Haji Shahban yang dihadiri oleh beberapa ahli Jawatankuasa Kampung dan juga Safuan (anak sulung Haji Shahban) yang mewakili bapanya yang sudah tiada

- Lebai : Rasuah! Ini semua rasuah! Si Sudin (Shamsudin) tu dah dibeli! Lima cawangan dah dibeli! Tak gitu! Tak sampai dua minggu arwahnya meninggal mulalah penyangak-penyangak tu cuba nak menjualkan kongsi kita dalam syarikat Melati tu! Hei! Geram saya! Geram!

(Matinya Seorang Patriot, 1984)

Perbualan ini memaparkan salah guna kuasa Ahli Tertinggi Melati Holdings, iaitu Jamali yang telah memberikan sogokan beberapa kali kepada Shamsudin, seorang Ahli Jawatankuasa Kampung Sri Tualang untuk mempengaruhi para pemilik saham daripada kampung tersebut untuk menjual saham mereka kepada syarikat berkenaan. Perbuatan ini menyebabkan orang kampung tersebut kehilangan pemilikan terhadap keuntungan oleh syarikat berkenaan. Shamsudin dipaparkan berjaya memanipulasi orang yang masih kekurangan ilmu tentang perkara amalan rasuah, dan tanpa sedar mereka telah menggadaikan hak mereka dan masa depan mereka sendiri.

Selain itu, Rahim Razali juga turut menyelitkan adegan salah laku politik wang dalam kempen untuk pemilihan perwakilan Pemuda kampung.

Shamsudin

: Tak tentu lagi juga Lebai.. Safuan mes-
ti berkempen. Encik Shamsudin kita dah
semakin kuat nampaknya. Ada sokongan
wang ringgit daripada luar.

(*Matinya Seorang Patriot*, 1984)

Sokongan wang ringgit dari luar dalam dialog ini memberi petunjuk bahawa terdapatnya amalan politik wang yang sedang berlaku untuk mendapatkan sokongan orang ramai. Segala faedah kewangan, kepentingan harta mahupun apa-apa manfaat yang diperoleh melalui proses sebegini merupakan suapan yang turut berada di bawah jenayah yang sama, iaitu jenayah rasuah. Politik wang yang mencemari mana-mana pemilihan sudah tentunya akan mengakibatkan ketidakadilan terutamanya kepada calon yang berhak dan layak. Seterusnya kemenangan kerusi akan jatuh kepada individu yang korup dan tidak berkelayakan untuk mentadbir.



Imej 1: Imej poster Bersih, Cekap dan Amanah yang ditampal pada dinding bilik mesyuarat di rumah Haji Shahban

Dalam filem ini juga, Rahim Razali turut memotret model korporat Melayu yang berperibadi dan berprinsip tinggi serta berani menolak rasuah dan menentang kebatilan. Haji Shahban adalah salah seorang ahli lembaga Pengarah Melati Holdings; mewakili Melayu yang mempunyai integriti

serta hidup dengan bermaruah dan tidak ragu-ragu untuk menolak sebarang penyelewengan demi kesenangan hidup sendiri.

Imej 1 menunjukkan poster yang tertera slogan ‘Bersih Cekap dan Amanah’ yang telah dilaungkan oleh kerajaan untuk membanteras amalan rasuah dalam kalangan rakyat. Poster ‘Bersih Cekap dan Amanah’ tersebut dilekat elok pada dinding bilik di rumah Haji Shahban yang dijadikan tempat bermesyuarat (untuk parti dan kumpulan pemuda Kampung Seri Tualang) yang melambangkan aspirasi dan prinsip yang dijunjung oleh Haji Shahban sebagai Ketua Parti, iaitu melaksanakan tanggungjawab dengan berintegriti dan beramanah. Memetik kekesalan Haji Shahban apabila mendapat tahu berlakunya jenayah rasuah di Melati Holdings:

Shamsudin : Aku dipermain-mainkan! Aku ditipu! Aku diputar belit! Tidakkah mereka ketahui yang aku keturunan pahlawan... Nenek moyang tujuh keramat!

(Matinya Seorang Patriot, 1984)

Haji Shahban begitu kesal apabila mendapat tahu penyelewengan dalam pentadbiran Syarikat Melati Holdings. Kekesalan bercampur rasa bersalah akibat salah guna kuasa yang dilakukan oleh pemegang kuasa syarikat Melati Holdings menyebabkan dia merasakan kehormatan keturunannya yang bersusur galur pahlawan telah tercemar kerana kegagalan dirinya menghalang jenayah tersebut daripada berlaku. Walau bagaimanapun, Haji Shahban bertekad untuk tidak lagi berdiam diri dan bercadang untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa supaya segala jenayah kolar putih yang dilakukan dalam syarikat tersebut dapat diketahui umum. Memetik amaran tegas Haji Shahban kepada ahli barisan ahli Lembaga Pengarah yang korup tersebut:

Shamsudin

: Saya akan membongkar segala rahsia tuan-tuan. Saya akan melaporkan kepada mana-mana pihak yang berkuasa supaya penyelewengan syarikat akan diketahui ramai dan menerima hukuman yang sewajarnya

(*Matinya Seorang Patriot*, 1984)

Setelah kematian Haji Shahban, legasi perjuangan beliau diwarisi oleh anak-anaknya. Safuan sebagai anak sulung Haji Shahban dilihat sebagai calon terbaik untuk menggantikan kerusi bapanya di Melati Holdings serta wakil Pergerakan Pemuda untuk kampungnya. Walau bagaimanapun, segala tawaran yang datang bersama kemewahan dan keistimewaan itu ditolak tegas oleh Safuan sebagai satu simbolik bahawa dia juga tidak boleh dibeli dengan kuasa dan wang.



Imej 2: Safuan memandang ke arah poster 'Bersih, Cekap dan Amanah' seolah-olah berfikir dengan mendalam sebaik sahaja mesyuarat Jawatankuasa Kampung Sri Tualang tamat.



Imej 3: Safuan menghempas kepingan kertas yang dilipat tebal ke arah poster 'Bersih, Cekap dan Amanah' sebagai tanda protes .

Imej 2 dan 3 menunjukkan Safuan yang bertindak sebagai pemangku sementara untuk ketua parti setelah kematian Haji Shahban dalam persatuan Kampung Seri Tualang ini bangun dari kerusi lalu membaling gulungan kertas minit mesyuarat ke arah poster tersebut. Tindakan Safuan itu juga merupakan simbol ketidakpuasan hatinya dan tanda marah kepada penyelewengan dan salah guna kuasa yang telah berlaku dalam pucuk pimpinan persatuan tersebut dan Melati Holdings. Penyelewengan yang cuba ditutup dalam Melati Holdings itu juga telah menjadi penyebab kepada kematian bapanya.



Imej 4: Safuan bersama latar belakang poster 'Bersih, Cekap dan Amanah' yang sudah terkoyak

Imej 4 pula menunjukkan babak ketika Safuan meletakkan jawatan ketua pemuda dan turut menolak untuk menggalas jawatan ketua parti bagi menggantikan bapanya. Tindakan Safuan pada babak ini ditunjukkan bersama imej poster 'Bersih, Cekap dan Amanah' yang sudah koyak dan memberikan maksud simbolik kepada imej bersih perjuangan parti tersebut yang sudah tercalar dan kepercayaan Safuan kepada perjuangan parti tersebut yang goyah. Tindakan Safuan itu juga turut memberikan refleksi kepada seruan kerajaan dalam membanteras amalan rasuah yang telah diperkotak-katikkan dan diperleceh oleh segolongan orang Melayu yang menguasai tampuk pimpinan politik dan ekonomi.

Semua perlambangan tersebut merupakan kekesalan Rahim Razali dan teguran beliau yang dilontarkan keras melalui filem ini tentang slogan 'Bersih, Cekap dan Amanah' yang hanya menjadi hiasan dinding tanpa dihayati dan diamalkan sebagai etika untuk berkhidmat secara amanah dan jujur demi kepentingan negara (Rahim Razali, 2016).

Dalam babak berkenaan, dapat dilihat refleksi marah yang diterjemahkan oleh Safuan sejajar dengan pandangan Alan Swingewood yang menyatakan bahawa karya sastera itu adalah hasil daripada refleksi sosial (Diane Laurenson & Swingewood, 1971:43). Babak protes yang dilahirkan oleh Safuan ini adalah untuk menzahirkan penolakan kepada penyelewengan dan salah guna kuasa. Mesej ini lahir daripada seruan kerajaan dalam kempen membanteras gejala korupsi terutamanya dalam sektor awam pada era tersebut. Natijah kepada penyelewengan dan salah guna kuasa tersebut menyebabkan terdapat kelas masyarakat yang diketepikan hak secara tidak adil semata-mata untuk memberikan peluang kepada mereka yang mendapat kesenangan dengan cara mudah. Oleh yang demikian, kemarahan yang ditunjukkan oleh Safuan bukan hanya mewakili suara Rahim Razali yang bertindak sebagai pengarah, tetapi lebih jauh daripada itu, beliau juga menyuarakan aspirasi masyarakat yang marah atas korupsi yang berlaku. Ini bertepatan dengan pandangan Alan Swingewood yang menyatakan bahawa keadaan sosial akan diterjemahkan melalui konflik kelas, dan dalam hal ini Rahim Razali menyuarakan suara kelasnya (Diane Laurenson & Swingewood, 1971:41).

Berlawanan dengan watak-watak korup yang dihidupkan dalam filem ini, watak Haji Shahban adalah contoh tokoh korporat Melayu yang berjaya, mempunyai teras agama, dan amanah dalam menjalankan tugas, sejajar dengan gagasan Tun Dr. Mahathir dalam kempen beliau yang terkenal dengan slogan ‘Bersih, Cekap, dan Amanah’ untuk memastikan semua penjawat awam menjalankan tanggungjawab dengan amanah. Haji Shahban dan anaknya Safuan merupakan patriot yang sanggup mengorbankan diri untuk menentang kebatilan daripada bersekongkol dengan Ahli Lembaga Pengarah Melati Holdings yang jelas menyeleweng.

Jenayah rasuah ini juga telah menarik perhatian Perdana Menteri Malaysia yang kelima untuk turut sama berbicara mengenai cabaran dalam menangani polemik yang membengkung kemajuan orang Melayu sejak dahulu. Tun Abdullah Badawi (dalam Ahmad Atory, 2006) berkata, cabaran utama selepas kepimpinan Tun Dr. Mahathir ialah tentang

sikap orang Melayu yang tidak berubah. Mereka masih cenderung mengamalkan rasuah, terlibat dalam politik wang, menjual projek kepada orang lain, menjual lesen, dan juga menjual nama kepada bangsa asing. Rasuah dalam jabatan kerajaan juga antara masalah yang perlu dihadapi dan dibanteras dalam memastikan kesinambungan dasar dan kerja yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan selama ini.

Kenyataan Tun Abdullah Badawi tersebut, menyokong kenyataan Rahim Razali ketika beliau berkongsi pemikiran mengenai isu rasuah yang menjadi pencetus kepada pembikinan filem *Matinya Seorang Patriot*. Menurut Rahim Razali (2016), gejala rasuah sudah mula menular dalam kehidupan masyarakat Melayu terutamanya apabila kerajaan membuka jalan kepada mereka untuk berdaya saing dalam dunia perniagaan dan korporat melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan pada tahun 1971. Kata Rahim Razali lagi, percampuran beliau dengan ramai rakan-rakan daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti pegawai kerajaan dan ahli perniagaan membuatkan beliau sedar mengenai situasi yang berlaku di sekeliling, terutamanya tentang golongan yang banyak mendapat projek perniagaan melalui jalan pintas, iaitu dengan melakukan rasuah. Gejala rasuah terus berlaku kerana inilah cara mudah untuk mereka mengaut kekayaan tanpa perlu bertungkus lumus berusaha untuk mendapatkan kesenangan.

Rahim Razali (2016) menegaskan bahawa pada ketika itu usahawan Melayu mula mengambil kesempatan terhadap pihak kerajaan yang majoriti pekerjanya juga kaum Melayu, terutamanya dalam proses mendapatkan projek mahupun tender kerajaan. Pada tahun 1982, apabila Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia melaungkan slogan ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ untuk mencegah amalan rasuah yang mula berleluasa, Rahim Razali pada ketika itu turut sama terpanggil untuk menyahut seruan tersebut dengan mengeluarkan filem *Matinya Seorang Patriot* berdasarkan isu yang sama. Filem itu diterbitkan dengan matlamat untuk menyedarkan masyarakat Melayu mengenai kemudaratan amalan rasuah dan perpecahan yang akan berlaku sekiranya dibiar berlarutan sehingga menjadi barah dalam masyarakat. Walau bagaimanapun menurut beliau, saranan daripada kempen kerajaan tersebut tidak menyebabkan amalan negatif berkenaan terhenti di situ malah terus

menular dan merebak dalam banyak institusi dalam negara (Rahim Razali, 2016).

Kenyataan Rahim Razali ini dilihat benar apabila merujuk kepada statistik tangkapan oleh agensi pencegahan rasuah yang menunjukkan jenayah rasuah masih berleluasa terutamanya yang melibatkan penjawat awam. Jadual 1 menunjukkan statistik penglibatan penjawat awam dalam jenayah rasuah yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi, profesional dan sokongan, serta penglibatan sektor awam yang melibatkan pihak swasta, orang awam, ahli majlis dan juga ahli politik pada era milenium, iaitu selepas lebih 30 tahun kempen ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ dilancarkan.

Jadual 1: Penglibatan Penjawat Awam dan Sektor Awam dalam Amalan Rasuah

Tahun	Sektor Penjawat Awam (Terdiri daripada pihak Pengurusan Tertinggi, Pengurusan Profesional dan Sokongan)	Sektor Awam (Terdiri daripada pihak swasta, orang awam, Ahli Majlis dan Politik)	Jumlah tangkapan rasuah
2011	323	595	918
2012	288	413	701
2013	170	339	509
2014	224	328	552
2015	398	443	841

Sumber: Portal rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Statistik dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa amalan rasuah telah mencemarkan kepercayaan serta amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan kepada para penjawat dan sektor awam. Kepentingan diri telah menyebabkan mereka mengambil jalan pintas demi memenuhi kehendak diri sendiri dengan melakukan jenayah rasuah tanpa memikirkan kesan buruk yang akan berlaku pada masyarakat, bangsa dan negara. Dalam *Matinya Seorang Patriot*, isu rasuah dan salah guna kuasa merupakan tema utama yang ingin disampaikan oleh Rahim Razali selain persoalan lain seperti perjuangan budaya dan isu politik lokal. Isu rasuah dan

salah guna kuasa merupakan tema utama yang ingin disampaikan oleh Rahim Razali selain persoalan lain seperti perjuangan budaya dan isu politik lokal. Isu rasuah dan penyelewengan kuasa ditunjukkan dengan keras sebagai tanda kesal beliau terhadap amalan salah guna kuasa yang semakin menular dalam masyarakat Melayu ketika itu.

Melalui fragmen jenayah rasuah yang dipaparkan oleh Rahim Razali melalui watak-watak korup seperti barisan Ahli Lembaga Pengarah Melati Holdings dan Shamsudin, serta watak protagonis seperti Haji Shahban dan anaknya Safuan yang membawa karakter sebagai figura pejuang yang menentang jenayah rasuah telah memperlihatkan cerminan secara langsung keadaan masyarakat era 80-an yang ketika itu sedang berusaha membanteras jenayah rasuah terutamanya dalam badan perkhidmatan awam.

Kesimpulan

Dalam filem *Matinya Seorang Patriot* ini, Rahim Razali turut sama menyahut kempen ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia (ketika itu) melalui pemaparan poster ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ yang dilekatkan pada dinding bilik mesyuarat di rumah Haji Shahban. Pemaparan poster tersebut merupakan suatu indikasi bahawa beliau bersama pihak kerajaan dan masyarakat dalam usaha membasmi kegiatan jenayah kolar putih ini. Hasil kajian ini juga turut menyokong dapatkan kajian lepas oleh Edelman (1976) yang menyatakan filem kontemporari memberi gambaran telus mengenai situasi politik semasa yang korup dan tidak semestinya berpihak kepada penguasa yang jujur. Dapatkan Edelman ini mempunyai persamaan dengan watak Haji Shahban, iaitu seorang nasionalis, politikus dan ahli korporat yang jujur dan amanah yang kemudiannya telah menjadi mangsa konspirasi jahat oleh pemegang kuasa yang korup. Kajian ini turut menunjukkan dapatkan yang seiring apabila isu rasuah dan penyelewengan kuasa dalam filem ini dipaparkan secara telus dan tegas, dan dinyatakan dengan jelas melalui dialog dan lakonan. Pemaparan poster ‘Bersih, Cekap, Amanah’ yang koyak juga memberikan indikasi secara simbolik mengenai ketegasan Rahim Razali dalam mengkritik isu ini. Dapatkan Rhafidilla (2014) yang menyatakan pemaparan jenayah

jenayah rasuah secara terang-terangan pula dilihat berbeza dengan dapatan kajian filem *Matinya Seorang Patriot*, yang membincangkan isu ini secara terbuka dan telus seawal dekad 1980-an.

Kesimpulannya, filem Rahim Razali ini memberi justifikasi bahawa karya filem berupaya mendokumentasikan fenomena masyarakat secara berkesan melalui gambaran kehidupan dan kemelut dalam masyarakat. Ini sejajar dengan pandangan Taine (1992) yang menyatakan bahawa karya sastera (merujuk kepada filem) merupakan dokumen sosial yang mampu merakam sejarah kehidupan manusia pada sesuatu masa dan dihasilkan dengan mempertimbangkan aspek bangsa, persekitaran, dan masa. Dalam hal ini, Rahim Razali menggunakan polemik sosial masyarakat Melayu dekad 1980-an sebagai inspirasi dan rangsangan idea untuk menghasilkan filemnya. Rakaman realiti sosial yang dipaparkan dalam filemnya juga merupakan pengalaman beliau dan keterlibatannya dalam masyarakat.

Nota Hujung

ⁱ Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 mentakrifkan suapan sebagai: (a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau rak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain; (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat; (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penuaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya; (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun komisen, rebat, bonus potongan atau peratusan; (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga; (f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhawatir atau daripada apa-apa tindakan atau yang dikhawatir atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan (g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f). (SPRM, 2017).

- ⁱⁱ Penyelidikan ini meliputi 41 buah negara dan bukti kajian menunjukkan bahawa kadar rasuah yang tinggi menyumbang kepada kadar inflasi yang tinggi (Fahim A. Al-Marhubi, 2000).
- ⁱⁱⁱ Amalan rasuah yang berlaku di Malaysia jelas memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi kerana pembolehubah yang diperoleh adalah signifikan untuk menerangkan kadar pertumbuhan KDNK negara pada aras keertian 1 peratus.
- ^{iv} Yusof Wahab merupakan antara pelakon terbaik era 80-an. Bakat beliau dalam seni lakonan dikesan oleh Rahim Razali ketika beliau bergiat aktif dalam kesenian di Kementerian Kebudayaan Malaysia. Beliau kemudiannya ditawarkan untuk berlakon di bawah arahan Rahim Razali bermula daripada filem *Matinya Seorang Patriot*, diikuti filem *Puteri dan Anak Sarawak*. Beliau pernah mengungguli anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik pada Festival Filem Malaysia ke-8 pada tahun 1989 untuk filem Anak Sarawak. Pada tahun yang sama beliau juga memenangi anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Popular ABPBH. Kini Yusof Wahab masih bergerak aktif dalam bidang seni sebagai seorang pengarah drama dengan nama Hadji Maa Hayu. Sehingga kini beliau telah mengarah lebih kurang 400 drama termasuklah drama yang ditulis oleh beliau sendiri bertajuk *Relung Cahaya* yang dilakonkan oleh Ahmad Yatim. Sumber: Yusof Wahab (2016).
- ^v ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ ialah satu kempen yang telah dilancarkan oleh Dr. Mahathir Mohamad pada pertengahan April 1982 sebagai satu dasar yang menjadi amalan kepada semua pihak di negara ini. Konsep ini adalah atasas kepada Kempen Kepimpinan Melalui Teladan pada 19 Mac 1983.

Rujukan

- Ahmad Atory Hussain. (2006). Islam Hadhari: Suatu kesinambungan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam selepas era Tun Dr. Mahathir Mohamad. *Rekayasa – Journal of Ethics, Legal and Governance*, 2, 1-10.
- Badrul Redzuan Abu Hassan, & Nur Hafizoh Idris. (2020). Analisis dekonstruktif terhadap satira sosiobudaya dan politik dalam filem *Lelaki Harapan Dunia* (2014). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 123-138.
- Edelman, R. (1976). The politician in films. *Film in Review*, 27, 531-7.
- Elliott, W. R., & Schenck-Hamlin, W. J. (1979). Film, politics and the press: The influence of ‘All the President’s Men’. *Journalism Quarterly*, 56(3), 546-553.

- Fahim A. Al-Marhubi. (2000). Corruption and inflation. *Economics Letters*, 66 (2), 199-202.
- Gustafson, J. L. (2007). A descriptive analysis of police corruption in film. *Journal of Criminal Justice and Popular Culture*, 14(2), 161-175.
- Hassan Muthalib, & Wong, T.C. (2002). Malaysia gentle winds of change. Dlm. A. Vasudev, L. Padgoankar, & R. Doraisamy (Penyt.), *Being and becoming: The cinema of Asia* (hlm. 28-301). New Delhi: Macmillan.
- Marzita Abdullah, & Iswan Shafiq, M. I. (22 Februari 2016). Genap 92 tahun empayar Uthmaniyyah runtuh. *Utusan Online*. Dimuat turun daripada <http://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/genap-92-tahun-empayar-uthmaniyyah-runtuh-1.193073>
- Md Zyadi Mat Tahir, Sanep Ahmad, & Mohd Hafiz Abdul Wahab. (2008). Kesan rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi: Kajian kes di Malaysia. *Working Paper in Islamic Economics and Finance No. 0813*, 1-14.
- Mohammad Taqiuddin Mohamad, & Mohd Hafiz Abd Wahab. (24-27 Julai 2008). *Rasuah dan pertumbuhan ekonomi: Perbandingan antara Indonesia dan Malaysia*. Dalam International Conference Islamic Economic and Social Justice: Reinforcing Equity For Common Well-Being, 24-27.
- Mohd. Roslan Mohd Nor. (2011). Sejarah perkembangan dan kejatuhan kerajaan Islam Uthmaniyyah. Dlm. Mohd Roslan Mohd Nor & Mohamad Zamri Mohamed Shapik (Penyt.), *Baldatun Tayyibah model Uthmaniyyah: Sejarah perkembangan dan kejatuhan kerajaan Islam Uthmaniyyah: Teladan Dan Sempadan* (hlm 167). Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohd. Shauki Abd. Majid. (2004). *Wacana Hadhari dalam Islam*. Kuala Lumpur: Book Publication Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. (2004). *Sulalat al-Salatin: Adikarya akal budi Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Nasir Jani. (7 Disember 2014). Jika Ada Peluang Remake. *Sinar Online*.
- Nasir Jani. (17 Ogos 2014). Produser, pengarah, penonton tanggungjawab sosial. *Sinar Harian*.

- Ni Putu shanti Prema Utami, Dewa Ayu Sugiarica Joni, & Ade Devia Pradipta. (2018). Konstruksi tindakan korupsi pada film “Negeri Tanpa Telinga”. *Ejurnal Universiti Udayana*. 1-12.
- Noraida Harun, & Zaidi Hassim. (2017). Rasuah dalam pentadbiran tanah: Penyelesaian menurut Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, 40-54.
- Nor Ain Matnoh, Zairul Annuar Dawam, & Cheang, S.C. (2019). a deconstructive approach to the concept of power in *Rise Ini Kalilah* (2018) and *Crossroad: One Two Jaga* (2018). *International Jurnal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(12), 915-923.
- Nur Syakirah Akmal Ismail, & Md Zawawi Abu Bakar. (4-6 September 2004). *Rasuah...? Katakan Tidak*. Dalam Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi.
- Rhafidilla Vebrynda. (2014). Korupsi dalam film Indonesia. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 11(2), 151-164.
- Rahim Razali. (1 Oktober 2016). Wawancara Tentang Filem-Filem Rahim Razali. (Siti Normala Hamzah, Pewawancara).
- Rahim Razali.(1984).Matinya Seorang Patriot [Video file]. Dimuat turun dari https://www.youtube.com/watch?v=WvZeezh_OPY.
- Ridzuan Yop. (8 Oktober 2019). Gejala Rasuah Gugat Integriti Generasi Muda. *Berita Harian*.
- Rosini Jonit. (2007). Pengisian Budaya dalam Filem Melayu. *Jurnal Skrin Malaysia*, 4, 137-150.
- SPRM, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (2017). Bila hadiah menjadi rasuah. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Dimuat turun daripada <http://www.ukm.my/legal/wp-content/uploads/2017/11/Bila-Hadiah-Mengjadi-Rasuah.pdf>
- Syed Hussein Al-Attas. (1995) *Rasuah: Sifat, sebab dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Taine, H. (1992). History of English literature: Introduction. Dalam Hazard Adams (Penyt.), *Critical Theory since Plato* (hlm 609-620). Fort Worth, Texas: Harcourt Brace Jovanovich.

Taine, H. (1900). *History of English literature*. USA: University of California Libraries.

Tuan Buqhairah Tuan Muhammad Adnan. (18 Oktober 2019). Amalan rasuah pihak berkuasa boloskan sempadan Malaysia-Thailand: SPRM. *Sinar Harian*.

Tuty Haryanty Ahmad Rodzi. (30 Januari 2019). Rasuah di Malaysia pada tahap serius. *Berita Harian*.

Yusof Wahab. (17 September 2016). Wawancara Tentang Filem-Filem Rahim Razali Dari Perspektif Yusof Wahab. (Siti Normala Hamzah, Pewawancara)